



E-BULETIN

EDISI KEEMPAT



JULAI 2025 - DISEMBER 2025

AKTIVITI PRISM 2.0

e-Buletin, Julai 2025 - Disember 2025

PROPERTY INFORMATION SYSTEM MALAYSIA



LATIHAN PENGGUNA PRISM 2.0 FASA 1.5

Pelaksanaan latihan pengguna PRISM 2.0 Fasa 1.5 telah diadakan pada 14 hingga 25 Julai 2025 di INSPEN. Latihan merangkumi modul baharu seperti Perkhidmatan Data, Web GIS, Pengurusan Pengguna, Menerbit Laporan dan Visualisasi Data. Tujuan pelaksanaan ini adalah untuk memastikan pengguna bersedia sebelum go-live pada 31 Julai 2025. Latihan ini turut membantu meningkatkan kefahaman dan kelancaran penggunaan sistem.



MESYUARAT KEPERLUAN INTEGRASI SISTEM IGFMAS, JANM DAN PRISM 2.0, JPPH

Mesyuarat Keperluan Integrasi Sistem IGFMAS, JANM dan PRISM 2.0, JPPH telah diadakan bagi membincangkan keperluan integrasi yang memberi fokus kepada skop integrasi, aliran data, keperluan teknikal serta pematuhan kepada dasar dan garis panduan JANM. Perbincangan turut merangkumi keperluan keselamatan, kaedah pertukaran data, serta impak integrasi terhadap proses kerja sedia ada JPPH. Mesyuarat ini menjadi asas penting bagi memastikan integrasi sistem dapat dilaksanakan secara teratur, selamat dan selaras dengan keperluan operasi JPPH.



AKTIVITI PRISM 2.0

MESYUARAT PEMBENTANGAN LAPORAN UJIAN BUKAN FUNGSI FASA 1.5 DAN LAPORAN SPA PRISM 2.0

Mesyuarat ini bertujuan membentangkan dapatan Laporan Ujian Bukan Fungsional Fasa 1.5 serta keputusan Security Posture Assessment (SPA) bagi sistem PRISM 2.0. Pembentangan merangkumi aspek prestasi sistem, kebolehcapaian, keselamatan dan kestabilan sistem berdasarkan ujian yang telah dilaksanakan. Isu, penemuan serta cadangan penambahbaikan turut dibincangkan bersama pihak berkepentingan bagi memastikan sistem berada pada tahap kesediaan yang baik sebelum dan semasa fasa operasi.





PENGURUSAN PERUBAHAN PRISM 2.0

Pelaksanaan Go Live Fasa 1.5 PRISM 2.0 telah berjaya dilaksanakan pada 31 Julai 2025, menandakan satu pencapaian penting dalam fasa pelaksanaan projek. Sepanjang tempoh ini, pelbagai aktiviti sokongan pengurusan perubahan telah dirancang dan dilaksanakan bagi memastikan kelancaran penggunaan sistem serta kesiapsiagaan semua pihak yang terlibat.

Sebagai persediaan kepada majlis pelancaran, beberapa siri perbincangan dan penyelarasan telah dilaksanakan bagi memastikan keperluan visual, logistik dan bahan sokongan berada pada tahap terbaik. Proses semakan dan penambahbaikan telah dijalankan secara berperingkat sehingga reka bentuk dan keperluan akhir dimuktamadkan mengikut perancangan.

Majlis Pelancaran Laporan Pasaran Harta Separuh Pertama Tahun 2025 dan Sistem PRISM 2.0 telah berlangsung dengan jayanya pada 4 September 2025 di Putrajaya. Penganjuran majlis ini mencerminkan kejayaan fasa pelaksanaan sistem serta komitmen berterusan ke arah memperkukuh penyampaian maklumat dan perkhidmatan berkaitan harta tanah negara.

Di samping itu, serahan bahan promosi dan sokongan projek telah dilaksanakan secara berperingkat mengikut jadual yang ditetapkan. Dokumentasi serta bahan multimedia berkaitan pelancaran turut disediakan dan diserahkan bagi tujuan rekod, rujukan dan penggunaan selanjutnya.

Secara keseluruhan, pelaksanaan aktiviti pengurusan perubahan bagi Fasa 1.5 PRISM 2.0 telah berjalan dengan lancar dan teratur. Kejayaan ini mencerminkan kerjasama yang baik antara semua pihak serta kesiapsiagaan projek untuk menyokong fasa operasi seterusnya.

AKTIVITI PRISM 2.0

e-Buletin, Julai 2025 - Disember 2025

PROPERTY INFORMATION SYSTEM MALAYSIA



INTEGRASI ONE STOP CENTER (OSC) 3.0 PLUS ONLINE DENGAN PRISM 2.0

Integrasi PRISM 2.0 dan OSC 3.0 Plus Online telah berjaya dilaksanakan dan kini beroperasi sepenuhnya di persekitaran Production. Pelaksanaan ini membolehkan pertukaran data permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan yang diluluskan, termasuk pindaan, diproses secara automatik dan bersepadu. Ujian integrasi yang dijalankan menunjukkan sistem beroperasi dengan stabil tanpa sebarang isu kritikal. Pelaksanaan ini meningkatkan keselarasan data, mempercepatkan proses kerja serta menyokong penyampaian maklumat yang lebih berkualiti. Kejayaan ini mencerminkan kesiapsiagaan sistem dalam menyokong operasi penilaian harta secara lebih cekap dan menyeluruh.

AKTIVITI PRISM 2.0

SEMINAR WHAT'S NEW PRISM 2.0

Seminar What's New PRISM 2.0 telah berjaya dianjurkan pada 18 November 2025 bertempat di Hotel The Everly Putrajaya. Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada pemaju dan pengurus harta mengenai fungsi, ciri baharu serta penambahbaikan sistem PRISM 2.0 melalui kerjasama pelbagai pihak berkaitan, dengan sokongan urusetia teknikal. Seminar ini telah dihadiri seramai 122 peserta yang terdiri daripada wakil pemaju, agensi kerajaan, kakitangan JPPH dan wakil syarikat, melebihi sasaran awal penyertaan. Kehadiran yang menggalakkan ini mencerminkan tahap minat dan keterlibatan yang tinggi terhadap inisiatif penambahbaikan sistem PRISM 2.0. Program turut diserikan dengan kehadiran barisan pengurusan tertinggi sebagai tetamu kehormat.

Sebelum bersurai, peserta telah melengkapkan Kajian Kepuasan Pengguna PRISM 2.0 sebagai sebahagian daripada pengumpulan maklum balas. Dapatan awal kajian menunjukkan sambutan yang positif serta permintaan agar program seumpama ini diteruskan pada masa hadapan.

